



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1475

**AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA (PINDAAN) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja 30 Disember 2014

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 5 Januari 2015

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1475

AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2015

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2015.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 6(1)—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) ketua pegawai eksekutif;” dan

(b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”.

Penggantian seksyen 24

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“Anggaran tahunan

24. (1) Ketua pegawai eksekutif hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan, dalam mesyuarat Lembaga, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Lembaga (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya dengan apa-apa butir dan mengikut bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Suatu salinan anggaran yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada setiap anggota Lembaga tidak kurang daripada empat belas hari sebelum anggaran itu dibentangkan.”.

Seksyen baru 28A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menubuhkan syarikat

28A. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan dan bertanggungjawab bagi atau terlibat dalam apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.”.